

Ekonomi naik 4.1 peratus ikut unjuran

BH
13/8/16
mls 3

Penyumbang utama kepada ekonomi pada suku kedua 2016

Sektor Ekonomi	Prestasi (%)
Perkhidmatan	↑ 5.7%
Pembuatan	↑ 4.1%
Pembinaan	↑ 8.8%
Perlombongan	↑ 2.6%
Pertanian	↓ -7.9%



Kuala Lumpur: Ekonomi Malaysia berkembang 4 peratus pada suku kedua 2016, sejajar dengan unjuran pasaran, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh.

Ini membolehkan ekonomi negara merekodkan pertumbuhan 4.1 peratus bagi separuh pertama tahun ini, selepas berkembang 4.2 peratus pada suku pertama 2016, meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Muhammad Ibrahim, berkata penggunaan dan pelaburan swasta kekal menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara pada suku dikaji, dengan masing-masing berkembang 6.3 peratus dan 5.6 peratus.

Katanya, semua sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor pertanian berikutan kesan tertangguh El Nino terhadap pengeluaran minyak sawit mentah.

Beliau berkata, eksport negara mencatatkan pertumbuhan positif, namun ia masih berada pada paras perlahan, sejajar perkemba-

ngan sederhana ekonomi global. "Setakat ini, ekonomi negara kekal kukuh dipacu permintaan domestik dan berada pada landasan kukuh untuk mencatat pertumbuhan seperti disasarkan 4.0-4.5 peratus tahun ini di tengah-tengah persekitaran global yang mencabar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi dan perkembangan monetari serta kewangan pada suku kedua 2016 di sini, semalam.

Muhammad berkata, prospek pertumbuhan dijangka disokong gaji yang lebih tinggi bagi pegawai

kerajaan, semakan semula menaik gaji minimum, pelaksanaan berterusan projek infrastruktur serta kemajuan pengeluaran komoditi daripada kesan El Nino.

Persekitaran tak menentu
Namun begitu, katanya, ketidak-tentuan dalam persekitaran global akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara pada separuh kedua tahun ini.

Mengenai ringgit, beliau berkata, mata wang tempatan itu akan terus berdepan turun naik tidak menentu di tengah-tengah ketidak-tentuan global, namun asas ekonomi negara yang kukuh akan

menyokong ringgit dalam tempoh sederhana.

Bank pusat juga masih mengekalkan unjuran defisit fiskal 3.1 peratus tahun ini, katanya.

Mengenai sama ada Bank Negara akan menjalankan siasatan baharu terhadap 1Malaysia Development Bhd berikutan laporan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat, Muhammad berkata, siasatan terhadap 1MDB sudah selesai dan tindakan sepatutnya sudah diambil oleh bank pusat.

Katanya, BNM akan dipandu oleh protokol antarabangsa jika DOJ mahu mendapatkan bantuan dalam siasatannya.

Penggunaan dan pelaburan swasta kekal menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara pada suku dikaji"

Muhammad Ibrahim,
Gabenor BNM